

|            |                                       |             |                     |
|------------|---------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Kerjasama strategik untuk jemaah haji |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                         |             |                     |
| Date       | 27 Mar 2014                           | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional                              | Circulation | 138,805             |
| Page No    | 28                                    | Readership  | 1,048,000           |
| Language   | Malay                                 | ArticleSize | 719 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                                   | AdValue     | RM 24,342           |
| Frequency  | Daily                                 | PR Value    | RM 73,026           |



# Kerjasama strategik untuk jemaah haji

» Program Sahabat Korporat TH sedia pelbagai kelengkapan ke Tanah Suci

**L**embaga Tabung Haji (TH) sebagai sebuah institusi korporat Islamik terbesar menawarkan perkhidmatan pengurusan haji dan tabungan. Pelbagai pengiktirafan dan anugerah diterima TH di peringkat tempatan dan global memperakui kecemerlangan perkhidmatannya kepada jemaah negara ini.

Kekukuhan dan prestasi kewangan memberangsangkan dicatatkan saban tahun juga memberikan keyakinan kepada pihak berkepentingan khususnya pendeposit, jemaah haji, rakan niaga strategik, kerajaan serta agensinya

TH terus komited merealisasikan impian pendeposit untuk menunaikan fardu haji. Justeru, TH senantiasa menggiatkan usaha menggembeng dan memperkayakan modal pendeposit agar memperoleh pulangan kompetitif, sejajar misi dan visi penuhuan TH.

Dalam masa sama, kebajikan jemaah juga sentiasa dititikberatkan TH dalam memberikan perkhidmatan cemerlang serta memuaskan. Program Sahabat Korporat adalah antara program tanggungjawab korporat (CSR) dilaksanakan TH setiap tahun yang menjurus kepada matlamat berkenaan.

Melalui Program Sahabat Korporat, TH mempelawa institusi korporat, swasta dan persendirian, besar mahupun kecil untuk sama-sama mengadakan usaha sama strategik dengan TH dalam menunaikan tanggungjawab sosial korporat mereka secara kolektif untuk kebajikan dan manfaat jemaah haji negara.

## Lebih 40 syarikat beri sumbangan

Pada musim haji 1434H/2013M lalu, Program Sahabat Korporat TH mendapat sambutan amat menggalakkan dan berjaya menggabungkan penyertaan secara berkumpulan lebih 40 syarikat dan mengumpulkan sumbangan keseluruhan melebihi RM11 juta dalam bentuk barangan kelengkapan haji seperti beg beroda, beg sandang, multivitamin, ba-



Antara barangan yang disumbangkan melalui Program Sahabat Korporat TH.



Sumbangan pihak korporat sedikit sebanyak membantu jemaah dalam menyediakan barangan keperluan untuk ke Tanah Suci.

|            |                                       |             |                     |
|------------|---------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Kerjasama strategik untuk jemaah haji |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                         |             |                     |
| Date       | 27 Mar 2014                           | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional                              | Circulation | 138,805             |
| Page No    | 28                                    | Readership  | 1,048,000           |
| Language   | Malay                                 | ArticleSize | 719 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                                   | AdValue     | RM 24,342           |
| Frequency  | Daily                                 | PR Value    | RM 73,026           |

han bacaan berupa buku doa, tikar, kelengkapan harian dan peralatan kesihatan di hospital.

TH memulakan inisiatif mempromosi dan mempelawa institusi korporat, swasta dan persendirian untuk menyertai program Sahabat Korporat bagi musim haji 1435H/2014M seawal bulan Januari dan masih mengalu-alukan penyertaan syarikat yang berminat. Setakat ini sebanyak 30 syarikat mengesahkan penyertaan dan sumbangan mereka kepada bakal jemaah haji musim ini.

Tahun ini juga menyaksikan beberapa institusi korporat ternama negara antaranya Maybank Islamic Berhad, Lembaga Zakat Selangor, Bank Simpanan Nasional, Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM), Bank Islam Malaysia Berhad, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA), Syarikat Takaful Malaysia Berhad, Affin Bank Berhad, Standard Chartered Saadiq Ber-

had, Asian Finance Bank Berhad, Kuwait Finance House (Malaysia) Bhd, Colgate-Palmolive Marketing Sdn Bhd, Delfi Marketing Sdn Bhd, Tenaga Nasional Berhad, kembali menjadi rakan strategik Sahabat Korporat TH bagi tahun 1435H/2014M.

#### **Ringankan beban jemaah**

Program ini memberi banyak manfaat dalam membantu, memudah dan meringankan beban jemaah haji Malaysia dalam membuat persediaan kelengkapan barangan keperluan untuk kegunaan ketika menunaikan ibadat haji di Tanah Suci. Sumbangan Sahabat Korporat ini juga secara tidak langsung membentuk keseragaman identiti yang memudah serta membezakan jemaah haji Malaysia dengan jemaah haji dari negara lain.

Institusi korporat, swasta dan persendirian yang mengambil bahagian juga secara tidak langsung memperoleh manfaatnya. Program ini boleh dijadikan platform medium publisiti dan promosi kepada syarikat ini untuk meningkatkan penjenamaan serta produk halal kepada masyarakat khususnya jemaah haji.

Masyarakat umum akan lebih mengenali pelbagai barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan mereka.

**Agih kepada jemaah muassasah**  
Barangan sumbangan diterima TH diagih-agihkan kepada jemaah haji muassasah yang pastinya berbesar hati menerima setiap bentuk sumbangan dengan pe-

nuh rasa kesyukuran.

TH berasa amat berbesar hati dan berterima kasih dengan pembabitan dan pemberian sumbangan oleh pelbagai institusi korporat yang selama ini menyokong dan menjayakan usaha murni ini. TH juga sentiasa memberi peluang dan mengharapkan penyertaan berterusan daripada semua pihak khususnya institusi korporat, swasta dan persendirian untuk tampil bersama TH menjaga kebajikan dan kesejahteraan para jemaah pada setiap tahun.

“

*Sumbangan Sahabat Korporat ini juga secara tidak langsung membentuk keseragaman identiti yang memudah serta membezakan jemaah haji Malaysia dengan jemaah haji dari negara lain”*